

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 30.3.2015

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa sekolah di perkampungan Bengoh, Sarawak ditutup yang mengakibatkan anak-anak di perkampungan tersebut mengalami kesukaran untuk ke sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemindahan murid dari SK Semban ke SK Bengoh terpaksa dilakukan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek pembangunan empangan Bengoh. Selain daripada itu, SK Taba Sait dipindahkan ke tapak baharu di *Rural Growth Centre* mulai sesi persekolahan tahun 2014. Jika tidak dipindahkan, sekolah-sekolah tersebut akan terputus hubungan dan ditenggelami air apabila empangan tersebut mula beroperasi kelak.

Bagi menampung pertambahan murid, SK Bengoh telah dinaiktaraf dan disediakan dengan kemudahan seperti asrama, kelas, dewan makan, bilik mandi, bangunan prasekolah serta padang permainan. Keadaan

tersebut adalah jauh lebih selesa dan selamat berbanding sekolah asal. Justeru itu, pemindahan tersebut adalah wajar bukan sahaja disebabkan oleh faktor lokasi malah untuk memudahkan akses kepada pendidikan dan kemudahan yang lebih baik untuk anak-anak di perkampungan tersebut.

RJM79